

Kuala Lumpur Dibenarkan Solat Jumaat Dan Fardu Di Masjid Secara Bersyarat

Oleh: Muhammad Fakhru Syafiq Harun

KUALA LUMPUR | 27 NOVEMBER – Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) membenarkan beberapa masjid dan surau untuk mendirikan solat jumaat dan solat fardu dengan syarat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Penolong pegawai, Azizul Azam Md Isa yang bertugas di Masjid Al Mukhlisin Alam Damai berkata, berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, masjid Al Mukhlisin antara 89 buah masjid yang diberikan kebenaran untuk mendirikan solat jumaat serta fardu.

Bagaimanapun beliau berkata, solat Jumaat dan solat fardu di masjid mesti diteruskan yang mana dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) secara terkawal bagi mengelak penularan pandemik koronavirus (COVID-19) di Selangor.



Masjid yang dibenarkan solat jumaat

“Masjid ini juga dibenarkan untuk mengadakan aktiviti pengimarahkan seperti ceramah, tazkirah, konti radio, dan sebagainya secara atas talian sahaja” kata penolong pegawai masjid tersebut berkenaan apabila ditanya jika terdapat alternatif lain untuk mengimarahkan masjid.

Mengulas lanjut, penolong pegawai berkenaan juga memaklumkan solat Jumaat di masjid Al Mukhlisin Alam Damai ini berkapasiti hanya 30 jemaah pada satu-satu masa dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter. Manakala solat fardu pula hanya 5 orang sahaja.

Senarai dan maklumat jemaah yang terpilih perlu disediakan selain mendaftarkan kehadiran di dalam buku pendaftaran serta menggunakan cecair pembasmi kuman yang diletakkan di pintu utama masjid.

“Digalakkan juga untuk bilal melaungkan azan bagi menandakan masuknya waktu solat untuk memaklumkan kepada penduduk sekitar. Bilal juga digalakkan untuk menggunakan pembesar suara.” Katanya menerusi temubual semalam.



Masjid yang dibenarkan solat jumaat

Mengulas lanjut, penolong pegawai berkenaan juga memaklumkan pelaksanaan perkara di atas mestilah mengikut beberapa garis panduan SOP yang dikeluarkan MAIWP bagi memutuskan rantaian penularan COVID-19.

Jemaah perlu membawa sejadah sendiri termasuk mengambil wuduk di rumah terlebih dahulu saringan suhu juga dibuat kepada semua jemaah dan individu yang mempunyai bacaan suhu lebih 37.4 Celcius adalah tidak dibenarkan masuk ke masjid," katanya.

Katanya, kanak-kanak juga dibenarkan untuk solat berjemaah tetapi mesti berumur 8 tahun keatas. Warganegara asing tidak dibenarkan sama sekali untuk hadir solat berjemaah.

"Individu bergejala seperti demam, sakit tekak, selesema dan batuk adalah tidak dibenarkan hadir" kata beliau.